

MURAI BATU PEJAL
Common Stonechat

FAMILI: Turdidae
NAMA SAINTIFIK: *Saxicola torquata*

CIRI-CIRI

Individu daripada spesies ini mempunyai corak bulu yang berlainan semasa musim mengawan dan luar musim mengawan. Semasa luar musim mengawan, individu jantan dewasa *S.t.stejnegeri* kelihatan seperti individu betina tetapi terdapat tompok hitam pada tepi kepala dan tekak. Semasa luar musim membiak pula, bahagian kepala, sayap dan belakang badan bertukar kepada warna hitam. Terdapat tompok putih pada tepi leher dan sayap manakala dada bertukar ke warna oren kemerahan. Bagi individu betina, bahagian tongkeng dan hujung ekor berwarna kuning cair hingga kuning kemerahan. Bagi individu juvenil pula, bahagian atas badan berwarna coklat kehitaman dengan tompok berwarna kuning pucat manakala bahagian bawah badan berwarna kuning cair yang seragam. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah 14 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada serangga dan invertebrata yang lain.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan berumput dan belukar, kawasan pertanian dan kawasan terbuka sehingga ke ketinggian 2, 470 m dari aras laut. Spesies ini membiak di atas 1, 000 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang pelbagai. Bunyi panggilan yang biasa ialah *chack* yang berulang atau *tsak* dan *hweet* yang nyaring.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Mac hingga Julai secara di India. Individu betina boleh menghasilkan empat hingga lima biji telur berwarna biru kekelabuan pudar dengan bintik kemerahan. Sarangnya berbentuk seperti cawan yang dibina atas tanah, pada lubang tebing, di celah-celah batu atau vegetasi.